



Penjelasan Dr Mahathir

Sedutan daripada sidang akhbar lebih sejam oleh Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad di Menara Berkembar Petronas semalam.

PENJELASAN

"Saya harap saya tak sakitkan kepala sesiapa. Dulu, saya dikatakan buat kerajaan sakit kepala kerana sikap saya. Saya sudah cuba elak buat komen, malangnya nama saya diseret pihak tertentu dan saya kena terangkan sedikit mengenai proses kerajaan supaya semua orang boleh faham betul.

PENCAPAIAN

"Proton ialah syarikat yang sangat untung sehingga mampu membina kilang RM1.8 bilion tanpa bantuan satu sen pun daripada kerajaan atau meminjam. Proton juga memiliki tunai lebih RM2 bilion. Dengan aset RM6 bilion, ditokok tunai dan pelbagai yang lain, ia bernilai antara RM9 bilion hingga RM10 bilion. Sebab itulah ramai yang berminat membelinya.

"Ia bukan subsidi untuk Proton tapi untuk vendor. Proton tak kisah jika perlindungan itu ditarik balik dengan syarat ia tak boleh dipaksa sokong vendor. Saya yakin, kalau Proton tak sokong vendor, kebanyakan mereka akan gulung tikar dan bila ini berlaku, di antara 20,000 hingga 25,000 orang akan hilang pekerjaan.

"Kena ingat bahawa semua nama besar dalam industri automotif sudah tiada. Yang terakhir ialah MG Rover. Anda tak boleh kata apa-apa mengenai kemampuan kejuruteraan automotif British lagi. Kalau baca majalah *What Car*, mereka hanya bagus menilai kereta

lain saja. Sudah tentu mereka kata kereta Malaysia tak sampai ke tahap Jaguar tapi kita pun bukan nak jadi Jaguar sebab Jaguar pun tak dapat jual banyak."

PERSAINGAN

"Saya terkejut bila dapati ada kereta siap bina (CBU) diimport pada harga hanya RM11,000 seunit. Pada harga itu, tak boleh dapat beli komponen pun, apatah lagi nak pasang. Malah, nak beli komponen bahan mentahnya pun tak cukup. Saya tahulah sebab bila kita mulakan Proton pada 1982, harganya RM14,000. Saya tak fikir ada yang mampu buat lebih rendah daripada itu sekarang.

"Bila orang mula kata kereta kita tak bermutu, sudah tentu ia menjejaskan masa depannya. Tambahan pula jika yang buat kenyataan itu berkedudukan tinggi dan bertanggungjawab minta kita tengok balik cara kita keluarkan kereta, orang akan hilang keyakinan dan ini menjejaskan jualan kereta.

KERETA IMPORT

"Apa yang saya beritahu ialah maklumat yang umum dah tahu. Pernah dikatakan oleh menteri bahawa 67,000 AP dikeluarkan pada 2004. Daripada maklumat yang saya dapat, 12,600 AP diberi kepada 82 syarikat dan 20 syarikat dapat 54,400. Ini nampak luar biasa. Kenapa ada syarikat yang sedikit dapat AP yang banyak, manakala ada banyak syarikat yang dapat AP

yang sedikit?

"Saya bukan nak dedahkan rahsia ketika jadi Perdana Menteri, tapi saya pernah minta menteri berkenaan siasat kenapa ada kereta diimport pada RM11,000 kerana ia tak masuk akal. Malangnya, menteri itu tak cuba siasat. Walaupun selepas saya tunjuk bagaimana nak siasat, tiada siasatan dibuat dan kereta itu terus diimport pada harga RM11,000.

"Saya terangkan ini sebab mahu semua faham. Untuk kata saya atau Kabinet yang luluskan (pemberian status kereta nasional), itu tak betul. Prosedurnya ialah jika menteri buat keputusan, Kabinet akan dimaklum kemudian. Mungkin ia boleh dipanggil 'fait accompli'. Maaf, saya kena bawa nota pasal benda ini sebab saya sudah disalah petik banyak kali. Dengan nota ini, saya tak akan silap.

TENGGU MAHALEEL

"Saya penasihat Proton, bukan penasihat kepada Tengku Mahaleel. Saya pergi ke Proton sebulan sekali, tengok apa mereka buat dan dapati banyak kemajuan. Daripada tak tahu apa-apa pasal automotif, ia kini boleh reka bentuk prototaip, uji dan keluarkan kereta yang dapat dijual di negara maju. Saya rasa ini adalah kemajuan.

"Masalahnya, kritikan terhadap Proton disiarkan oleh media. Orang ramai membaca mengenainya. Jika kita hanya

berbisik kepada orang lain dan tidak dilaporkan oleh media, orang tidak akan tahu apa yang dikatakan itu tidak betul. Jika perkara tidak betul itu tidak disiarkan media, dia (Tengku Mahaleel) tak perlu membetulkannya.

"Adalah penting untuk lembaga pengarah berusaha supaya sehaluan dengan Ketua Eksekutifnya dan Ketua Eksekutif juga harus sependapat dengan lembaga pengarah. Tetapi, perlu ada hadnya. Jika anda mengambil pendekatan konfrontasi, anda tidak akan boleh sepakat.

